

06/07/2002

PM tinjau projek Satu Desa Satu Produk di Chiang Mai

Manja Ismail

CHIANG MAI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tiba di sini petang ini untuk lawatan kerja dua hari ke Thailand, meninjau beberapa projek Satu Desa Satu Produk, satu daripada dasar kerajaan Thailand untuk meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandarnya.

Perdana Menteri, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, melawat kilang seramik dan bengkel anyaman buluh di Charieng serta kilang Sa Paper di daerah Sankampaeng sebelum ke hotel penginapannya di sini, Westin Riverside Plaza.

Program Satu Desa Satu Produk (One Tambun One Product), yang diilhamkan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra sebaik beliau mengetuai kerajaan, hampir sama dengan projek seumpamanya di Malaysia.

Bagaimanapun, kerana kerajinan rakyat negara ini, barangan kraftangan yang dikeluarkan oleh program itu bukan setakat dijual kepada pelancong, malah dieksport ke luar negara.

Dr Mahathir yang ditemani sendiri oleh Thaksin dalam lawatan ke projek itu amat tertarik dengan pelbagai produk di kilang Sa Paper. Sa ialah sejenis pokok seakan-akan pohon mulberi, yang mana kulitnya diambil untuk diproses sebelum dijadikan bingkai gambar, album, kulit buku dan bunga hiasan.

Sebelum itu, ketibaan Dr Mahathir dan rombongan di Terminal Tentera Udara Lapangan Terbang Chiang Mai diberi sambutan permaidani merah oleh Thaksin dan isteri, Khunying Pojarn.

Turut serta dalam rombongan beliau ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi.

Malam ini, Perdana Menteri dan rombongan diraikan oleh Thaksin dalam jamuan peribadi di Universiti Chiang Mai, Salatham dekat sini.

Ini adalah lawatan rasmi pertama Dr Mahathir selepas beliau mengumumkan untuk meletak jawatan dalam parti dan kerajaan selepas Oktober tahun depan pada perhimpunan agung Umno 22 Jun lalu.

Sementara itu, isu projek usaha sama Malaysia-Thai untuk membina saluran gas yang tertangguh, dijangka menjadi fokus utama perbincangan dalam mesyuarat dua hala kedua-dua kerajaan di Bangkok esok, selain isu keselamatan di sempadan dan kerjasama ekonomi.

Projek yang sudah lama dipersetujui kedua-dua negara di selatan Thailand itu belum dapat dimulakan kerana bantahan penduduk setempat kononnya ia akan menjejaskan alam sekitar.

Thaksin, selepas menerajui kerajaan Thai, dilaporkan mahu projek itu dimulakan segera walaupun Jawatankuasa Senat Mengenai Alam Sekitar dan Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Kebangsaan mahu ia dikaji semula.

Di pihak Malaysia, Petronas diberi tanggungjawab melaksanakan projek berkenaan, dikatakan sudah lama bersedia.

Akhbar Bangkok Post, dalam laporannya mengenai lawatan Dr Mahathir hari ini berkata, kira-kira 500 penduduk kampung dijangka berhimpun di Songkhla, manakala 20 orang berhimpun di depan Kedutaan Malaysia di Bangkok, bagi menyatakan bantahan mereka.

Bagaimanapun, seorang pegawai Thai di sini berkata, hanya sekumpulan kecil penduduk, yang didalangi oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli politik tertentu membantah projek berkenaan.

"Majoriti penduduk di Selatan Thai, kebanyakannya beragama Islam, mahu projek itu dilaksanakan segera kerana ia akan membantu menjana ekonomi di

wilayah termundur di Thailand itu," katanya.